

## **DATO' YAHYA OTHMAN, TOKOH KEPIMPINAN DAKWAH MELAYU NUSANTARA: SATU KAJIAN KONSEPTUAL DAN PROFIL**

Hasliza Talib  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
*hasliza@kuis.edu.my*

Nidana Yahya  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Rosfazila Binti Abd Rahman  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Zahanim Ahmad  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Farah Nur Rashida Rosnan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **ABSTRAK**

Kajian ketokohan merupakan salah satu cara efektif bagi mengukur kesedaran masyarakat dalam memahami kehidupan dan sumbangan seseorang tokoh dalam pelbagai bidang. Kajian ketokohan mampu memberikan sumbangan dalam memperkaya sejarah Islam serta memiliki hubungan yang kukuh dengan pembentukan sesuatu komuniti. Kajian-kajian ketokohan banyak menyentuh tentang aspek profil, personaliti, kepakaran, kepimpinan, pengurusan, transisi dan anugerah serta hadiah. Justeru, isu utama kajian ini ialah sejauh mana masyarakat mengetahui dan memahami kehidupan dan sumbangan Dato' Yahya Othman sebagai tokoh kepimpinan dakwah Melayu Nusantara. Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami konsep kajian ketokohan. Objektif kedua ialah untuk meneliti profil serta biografi Dato' Yahya Othman sebagai Tokoh kepimpinan dakwah Melayu Nusantara. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif diskriptif melibatkan analisis dokumen (daftar pustaka) tentang Dato' Yahya Othman. Penemuan utama mendapati beberapa konsep tekal berkaitan kajian ketokohan dan radius kajiannya. Penemuan kedua pula mendapati bahawa tokoh Dato' Yahya Othman mempunyai profil yang kuat dalam bidang kepimpinan dakwah Melayu khususnya di Nusantara. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan bahawa konsep kajian ketokohan merupakan disiplin ilmu yang tidak asing dalam masyarakat. Implikasinya, ketokohan Dato Yahya Othman dalam bidang kepimpinan dakwah memberikan sumbangan besar dalam memperkaya bidang kepimpinan dakwah khasnya dan sejarah Islam amnya serta memiliki hubungan yang kukuh dengan pembentukan individu, keluarga, komuniti dan ummah.

## **Pengenalan**

Nusantara merupakan salah satu benua yang tidak asing lagi dalam melahirkan tokoh ulama yang diakui keilmuannya didunia. Peranan dan dakwah para Ulama telah membawa kepada berdiri teguhnya daulah-daulah Islam di rantau ini. Malaysia antaranya merupakan negara dari benua Nusantara turut tidak terkecuali menyumbang kepada melahirkan para ilmuan Islam yang tersohor. Salah satu negeri yang menjadi pusat dakwah dan pendidikan Islam yang terkenal adalah Negeri Kelantan yang terletak di bahagian pantai timur Malaysia. Dari sudut pendidikan, Negeri Kelantan amat menitikberatkan pendidikan agama dan suatu ketika dulu Kelantan pernah menjadi pusat tumpuan ulama dari serata tempat dan masih lagi kekal hingga ke harini. Negeri Kelantan terkenal dengan nama jolokan “Negeri Serambi Mekah” sinonim dengan peranannya sebagai pusat pendidikan Islam dan penyebaran dakwah yang hebat. Dari sini kemudian muncul tokoh-tokoh Ulama yang disegani yang telah berjasa, tidak tertumpu kepada membangunkan dasar dan asas demi tegaknya syiar agama Islam semata-mata, namun ianya juga telah membina kesejahteraan masyarakat sekitarnya. Masyarakat Islam bukan sahaja diajar perlu mengenali, mencontohi dan memperingati tokoh-tokoh ulama dunia yang membuktikan kejayaan mereka dalam berdakwah semata-mata, malah masyarakat hari ini diseru untuk mengenali, memperingati dan mengkaji tokoh-tokoh ulama Nusantara yang telah berjaya dalam memperjuangkan syiar Islam agar dapat dijadikan contoh dan ikutan.

Di antara ramai ulama yang lahir dari Negeri Kelantan ini, salah seorangnya adalah Dato’ Yahya Othman. Beliau turut mewarnai perjalanan perkembangan sejarah Islam, khususnya di Kota Bharu Kelantan. Dato Yahya Othman giat dan gigih dalam pengkajiannya di bidang Syariah serta aktif dalam perjuangan dakwah Islam. Seawal di usia muda lagi beliau telah bermusafir dan hidup berdikari di Tanah Suci Mekah demi menuntut ilmu dan minatnya yang amat mendalam terhadap ilmu Allah. Beliau telah menuntut ilmu di Darul Ulum al-Diniyah, Makkah dan berguru secara bertalaqqi di Masjidil Haram bersama tokoh-tokoh Ulama hebat yang disegani di ketika itu dan seterusnya menyambung lagi pengajian di peringkat sarjana di Kaherah, Mesir dalam jurusan Syariah wa Qanun. Beliau juga sempat menadiah kitab Jami’ al-Imam Abu Hanifah di Masjid Abdul Kadir Jailany, Iraq. Dato Yahya Othman merupakan tokoh ulama yang terkenal dengan kehebatan beliau yang banyak menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang Syariah dan Pendidikan di arena keilmuan Nusantara.

Justeru, artikel ini akan menfokuskan tentang tokoh ini dari sudut aspek profil dan biografi, latar belakang pendidikan, kekeluargaan, personaliti, kepakaran ilmu, kepimpinan, pengurusan, transisi dan anugerah serta sumbangan beliau dalam msyarakat sebagai tokoh kepimpinan dakwah Melayu Nusantara.

## **Kajian Ketokohan**

Tokoh menurut kamus Dewan (2010) adalah rupa atau keadaan yang tampak pada zahirnya, bentuk dan sifatnya, macam atau jenis. Ketokohan pula bermaksud perihal tokoh (Kamus Dewan 2010). Kajian ketokohan merupakan salah satu cara efektif bagi mengukur kesedaran masyarakat dalam memahami kehidupan dan sumbangan seseorang tokoh khususnya dalam konteks keagamaan (Aajid Thohir, tt). Kajian ketokohan mampu memberikan sumbangan dalam memperkaya sejarah Islam serta memiliki hubungan yang kukuh dengan pembentukan sesuatu komuniti.

Kajian ketokohan merupakan disiplin ilmu yang tidak asing dalam masyarakat Islam. Ilmu al-Rijal merupakan perintis kepada kajian ketokohan. Ia merupakan cabang ilmu hadis yang dijadikan sandaran dalam menentukan kredibiliti perawi bagi periwayatan hadis Rasulullah ﷺ. Beberapa kriteria khusus ditentukan sebagai pra syarat ketat yang perlu dipenuhi oleh seseorang sebelum dinobatkan sebagai perawi yang thiqah dan dhabit. Secara umumnya, seseorang pemimpin atau tokoh itu perlulah memiliki kriteria khusus. Zainal Abidin Mohamad (1998) menjelaskan bahawa seseorang tokoh itu perlulah memiliki keyakinan diri, bertanggungjawab, cepat menyesuaikan diri dengan keadaan, suka bergaul, diterima masyarakat dan mempunyai wawasan.

Kajian-kajian ketokohan banyak menyentuh tentang aspek profil, personaliti, kepakaran, kepimpinan, pengurusan, transisi dan anugerah serta hadiah (Hackman, 1976; Bevis 1984; Duke 1989; Blasé 1987; Hussein 1993; Timah Hamzah 1981; Abdrahman Badawi 2003; Mohd Nor 2005; ; Ikmal Hisham 2012; Rosfazila et al, 2015). Kajian-kajian ketokohan telah dilakukan di dalam pelbagai bidang pengkhususan seperti falsafah, agama, sains kemanusiaan dan kemasyarakatan, ekonomi, politik, undang-undang, sastera, kenegaraan dan patriotisme, sukan, juga sains tulen.

Mengikut pandangan al Mawardi, seorang pemimpin perlu mempunyai sifat seorang yang adil dalam memimpin pekerja dalam sesebuah organisasi. Seorang pemimpin juga perlulah seorang yang berfikiran matang dan berani berijtihad dalam melakukan tugasnya. Seorang pemimpin juga menurut Al Mawardi perlulah memiliki pancaindera yang sempurna. Beliau juga perlu mempunyai ilmu agama yang tinggi. Hal ini kerana dengan adanya ilmu agama yang tinggi secara tidak langsung dapat mengelakkan seorang pemimpin daripada melakukan perkara yang mungkar. Seorang pemimpin juga perlu mempunyai anggota badan yang sempurna supaya boleh menguruskan pekerjaannya dengan sempurna (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991).

Imam Al-Ghazali pula menjelaskan bahawa pemilihan seorang pemimpin perlulah seorang yang hidupnya dengan cara sederhana tidak terlalu membazir dengan harta yang dimiliki olehnya. Seorang pemimpin juga perlulah melaksanakan kerja dengan tenang tanpa merungut dengan pekerjaan yang dilakukannya. Dia juga harus cuba memuaskan semua pihak jika hal itu tidak melanggar undang-undang dan peraturan. Seorang pemimpin juga menurut Imam al- Ghazali perlulah mempunyai sifat kesedaran akan tanggungjawab besar jawatannya. Seorang pemimpin juga perlulah seorang yang suka bersahabat dengan para ilmuwan dan mendengar arahan para ilmuwan tersebut. Hal ini kerana supaya seorang pemimpin tersebut tidak melanggar undang- undang yang telah digariskan dalam Islam ataupun tidak terpesong daripada landasan agama Islam yang telah ditetapkan oleh syarak (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991).

Tokoh barat, Edwin Ghiselli menyatakan bahawa seorang pemimpin perlulah mempunyai sifat kesungguhan dan keyakinan kepada diri sendiri. Tanpa sifat kesungguhan dan keyakinan dalam diri sendiri boleh menyebabkan sesebuah organisasi tidak akan berjalan dengan baik. Begitu juga dengan kecerdasan yang terlalu tinggi atau kecerdasan yang terlalu rendah akan mengurangkan keberkesanan memimpin (Mustafa Hj. Daud, 1996).

Selain itu, Ralph M. Stogdill berpendapat, seorang pemimpin perlulah mempunyai kecerdasan dan kemampuan juga bijak, matang, mempunyai harta sebagai modal supaya seorang pemimpin tersebut dapat menguruskan organisasinya dengan baik. Seorang pemimpin juga perlu mempunyai sifat sosial iaitu daya kerjasama, kemampuan berkomunikasi dan berkebolehan untuk bermasyarakat (Mustafa Hj. Daud, 1996). Selain daripada itu, seorang pemimpin juga seharusnya mempunyai sifat keperibadian iaitu berkebolehan, agresif dan berkeyakinan tinggi dalam menjalankan tugas sebagai seorang pemimpin (Mustafa Hj. Daud, 1996).

Menurut Andreas Tolk (2012) terdapat 12 ciri-ciri tokoh dan ketokohan iaitu difinisi, pelupusan, penyerapan, berautoriti, kegigihan, semangat, jaringan, pengiktirafan, produktiviti, daya juang, etika dan kesetiaan. Tolk (2012) juga menyenaraikan 18 ciri-ciri penting tambahan yang disenarai silangkan iaitu berkeupayaan menyelia, sumbangan, integriti, ketabahan, khidmat masyarakat, minda terbuka, visi, sudut pandang dan perintah. Lebih menarik lagi, Etika dan Penyerapan adalah dikenal pasti sebagai ciri-ciri yang paling penting dalam semua ciri-ciri seorang tokoh / ketokohan di mana etika bermaksud ciri-ciri profesional, etika dan berakar dalam kejujuran tentang kerja sendiri, menerima kritikan yang membina, melayan orang lain dengan hormat, dan tidak mendapat kelebihan peribadi daripada yang disediakan untuk jawatan manakala penyerapan pula adalah ciri-ciri seperti berpengetahuan atau berkepakaran (Tolk 2012).

### **Tokoh Kepimpinan Dakwah**

Pemimpin adalah seorang individu dalam sesuatu kelompok masyarakat atau organisasi yang diberikan tanggungjawab mengarah dan menyelaraskan aktiviti untuk mencapai matlamat organisasi atau kumpulan seperti yang telah ditetapkan. (Ibrahim Mamat, 2001) . Menurut Ibnu Khaldun dalam penulisan Nur A'thiroh Masyaa'il binti Abdullah (2015), hakikat penciptaan manusia itu adalah untuk menjadi pemimpin. Ini memberi erti bahawa kepemimpinan wujud serentak dengan penciptaan manusia itu sendiri.

Rasulullah SAW adalah tokoh kepimpinan dakwah yang terulung. Baginda memulakan dakwah berasaskan iman dan takwa dalam setiap peribadi umat ketika itu. Dakwah yang berteraskan pendidikan (tarbiah) dalam pelbagai aspek sehingga berjaya melahirkan umat yang terpilih dan unggul (*al-safwah al-mukhtarah*) di zaman Mekah. Proses tarbiah yang diberi penekanan oleh Rasulullah SAW ketika itu ialah aspek pendidikan iman, akal, jiwa dan fizikal. Hasilnya umat di zaman itu semakin mantap walau pun jumlah mereka yang sedikit. (Roslan bin Mohamed, 2001)

Urusan dakwah merupakan tuntutan Allah SWT kepada hamba-Nya. Rasulullah SAW diutuskan dengan membawa misi dakwah yang besar bagi menyampaikan Islam ke seluruh pelusuk dunia. Misi dakwah ini tidak terhenti setelah kewafatan baginda Rasulullah SAW, malah diteruskan oleh para sahabat baginda, *tabi'*, *tabi'ut tabi'in* dan para ulama yang terus ikhlas berjuang sehingga kita dapat mengecapi nikmat Islam pada hari ini. Tanggungjawab menyampaikan dakwah yang terkandung di dalam al-Quran antaranya ialah:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ  
الْمُقْلِحُونَ

Maksudnya:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

(Ali 'Imrān 3: 104)

Ayat di atas menekankan bahawa dalam usaha menyampaikan dakwah terhadap umat manusia, perlu disiapkan satu golongan yang benar-benar berusaha untuk menggerakkan dakwah. Golongan ini akan mengajak masyarakat membuat kebaikan serta mencegah dari berbuat kemungkaran. Mereka ini dikategorikan sebagai orang-orang yang berjaya.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ  
بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(an-Nahl 16: 125)

Ayat di atas menggambarkan personaliti asas yang perlu ada kepada seorang pendakwah iaitu bijaksana, berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia. Pendakwah bukanlah penghukum, malah mereka hanya bertanggungjawab mengajak masyarakat ke arah kebaikan dan mencegah sesuatu kemungkaran. Soal hidayah adalah hak milik Allah SWT yang akan diugerahkan kepada siapa yang Dia kehendaki.

Menurut pandangan Dr. 'Abdul Karem Zaidan (2009), setiap pendakwah perlulah mempunyai ciri-ciri berikut sebelum menyampaikan dakwah iaitu yang **pertama mempunyai Ilmu pengetahuan yang luas**. Ilmu pengetahuan mampu membantu pendakwah menyampaikan kebenaran yang bersumberkan quran dan Sunnah. **Yang kedua ialah Iman yang kuat**. Para pendakwah yang mempunyai iman yang kuat adalah hasil hubungan rapat dengan Allah SWT. Mereka mempunyai daya aura yang positif dan mudah didekati serta mampu menarik masyarakat untuk menghayati dan mempercayai apa yang mereka sampaikan. **Yang ketiga hubungan dengan Allah yang berterusan**. Dalam berdakwah, para pendakwah mestilah ada hubungan yang kuat dan berterusan dengan Allah SWT. Pendakwah perlu mempunyai semangat yang kuat, beserta keyakinan yang tinggi dan bergantung sepenuhnya bahawa Allah sahaja yang dapat memelihara, membantu dan menolong dalam melaksanakan tugas dakwah.

Apabila ditelusuri ciri-ciri kepimpinan dakwah seperti di atas maka penulisan ini memilih seorang tokoh besar dalam kepimpinan dakwah yang banyak meninggalkan sumbangan kepada masyarakat iaitu Dato' Haji Ustaz Yahya Othman (1939-2012). Penulisan ini memfokuskan

kepada latarbelakang kehidupan tokoh bermula dari kelahirannya, musafir pendidikannya sejak kecil ke Mekah dan jasa dakwahnya kepada masyarakat di Malaysia.

### **Biografi Dato Yahya Othman**

Ustaz Yahya Othman yang dilahirkan di Kampung Dewan, Labok, Kelantan pada 22 September 1939. Merupakan anak ketiga daripada 3 orang adik beradik seibu sebapa. Mempunyai lapan orang adik-adik dari perkahwinan ayahnya yang lain. Beliau juga mempunyai 2 orang adik perempuan hasil perkahwinan semula ibunya dengan suami baru.

Dilahirkan di dalam keluarga yang besar. Ayahnya merupakan seorang pengembala lembu. Hj Othman memiliki cita-cita dan harapan yang besar untuk anak-anaknya.

Pada tahun 1947, pada usia 8 tahun beliau dihantar ke Makkah menaiki kapal laut di Kelantan bersama emak saudaranya yang menetap di sana. Pada asalnya, emak saudaranya meminta abang kepada beliau, Umar (Allahyarham) atau Ahmad (Allahyarham) untuk ke sana bagi menemani anak kecilnya iaitu Us Afif (Allahyarham). Akan tetapi, kedua abangnya menolak permintaan itu. Beliau secara rela hati menawarkan diri ke sana. Di Makkah, beliau ke Darul Ulum al-Diniyah, Makkah (tamat 1958), banyak berguru secara bertalaqqi di masjidil haram bersama tokoh-tokoh muktabar ketika itu. Antaranya ialah Al-Musnid Dunya Syeikh Yasin bin Isa Al-Fadani Rahimahullah (Guru yang paling dikasihi dan dicintai), Syeikh Hassan Masyath Rahimahullah, Al-'Allamah Syeikh Al-Maliki Rahimahullah (Mufti Makkah, ayah kepada Al-'Allamah Al-Muhaddis Prof Dr. Abuya Sayyid Muhammad Alawi Al-Maliki), Syeikh Amin Qtubi Rahimahullah, Al-'Allamah Sheikh Abdul Kadir Al-Mandiliy Rahimahullah, Syeikh Dr Mustafa As-Sibai'e Rahimahullah (Ketua IM Syria). Sempat menadah kitab Jami' al-Imam Abu Hanifah di Masjid Abdul Kadir Jailany, Iraq.

Beliau seterusnya ke Kaherah bagi meneruskan pengajian. Rakan-rakan beliau terkejut bila mendapat tahu beliau memilih untuk melanjutkan pelajaran di dalam Syariah wal Qanun di Universiti Al-Azhar Asy-Syarif kerana beliau dikenali sebagai seorang yang amat meminati sastera Arab. Beliau banyak menguasai syair-syair karya Taha Hussien, Mustafa Rifaie, al-Manfaluti dan sebagainya. Digelar ulat buku kerana ketekunan dan minat yang mendalam terhadap buku, sehingga sanggup membelanjakan wang saku yang dihantar oleh ibubapanya semata-mata untuk membeli buku. Bahkan sanggup menahan lapar dan dahaga demi untuk memiliki sesebuah buku yang diminatinya.

Ketika menuntut di Mesir, beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha Jawatankuasa Belia Negeri Kelantan di Mekah ketika berusia 15 tahun, Ahli Jawatankuasa Biro Kebajikan di dalam Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu Mesir pada tahun 1961, Setiausaha Biro Pendidikan pada tahun 1962 dan wakil pelajar Malaysia dalam Kelab Pelajar Asing Antarabangsa (tahun 1963). Di Mesir, beliau berbaiah kepada gerakan Ikhwanul Muslimin dan mempunyai sahabat-sahabat yang sangat akrab daripada jemaah ini.

Selepas mendapat ijazah pertama, beliau pulang ke tanahair. Beliau dijodohkan dengan puteri sulung Allayarham Hj Husain Rahimi bin Mat Saman, Habsah Hj Husain Rahimi. Haji Husain Rahimi merupakan menantu kepada Hj Abdullah Tahir, pengasas Pondok Bunut Payong di Kelantan yang turut dikenali sebagai Madrasah Ahmadiyyah. Haji Husain Rahimi menguruskan pondok tersebut di samping pernah menjadi ahli parlimen PAS pada zaman 70 an.

Habsah Hj Husain Rahimi diminta oleh ayahnya untuk mengajar di Madrasah Ahmadiyyah dan kekal mengajar di situ sehingga mendapat cahaya mata pertama. Beliau pulang ke tanahair tanpa boleh bertutur dalam bahasa Melayu kerana terlalu lama di timur tengah. Beliau kembali ke Al Azhar melanjutkan pelajaran pasca siswazah, MA Politik Islam.

Sekembalinya ke Kelantan, beliau dilantik sebagai pensyarah Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) pada 1967 yang kemudian dikenali sebagai Akademi Islam Universiti Malaya, Kemudian, beliau dilantik menjadi Dekan Fakulti Syariah wal Qanun YPTIK dan akhirnya sebagai Timbalan Pengetua YPTIK. Pada 1978, beliau meletak jawatan kerana dicalonkan oleh PAS untuk bertanding di Parlimen Pasir Puteh.

Selepas kalah dalam pilihanraya, beliau menubuhkan [Institut al-Nur](#) selepas PAS tidak lagi mentadbir Kelantan tahun 1980-an. Institut An-Nur kekal sebagai sekolah persendirian sehingga pada hari ini.

Semenjak bertanding di Pasir Puteh pada 1978, beliau menumpukan seluruh kegiatannya bersama PAS terutama setelah Anwar Ibrahim menyertai Umno pada 1982. Beliau menggerakkan tarbiyah dalam PAS dan bertanding pada 1986 tetapi tewas di DUN Banggol Judah. beliau menjadi ADUN Banggol Judah (1990-1999) dan dilantik sebagai anggota Exco Kerajaan Negeri Kelantan penggal 1990-1994 selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah. Semasa beliau memegang jawatan ini, beliau telah menubuhkan Maahad Dakwah wal Imamah yang kemudian dikenali sebagai Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Putra (Kias). Beliau turut bekerja keras mencari dana dari kawan-kawan lama di Timur Tengah dan berjaya menubuhkan Maahad tahfiz Pulai Chondong di Kelantan. Alhamdulillah, sekolah ini sehingga hari ini kekal cemerlang di dalam bidang akademik dan quran.

Dalam PAS, Ustaz Yahya lebih banyak berperanan dalam bidang tarbiyah sejak 1970 dan menjadi pengasas tarbiyah haraki pada pertengahan 1970-an. Ketika ini beliau turut menjadi Ahli Jawatankuasa WAMY (1973-1975), dan meletak jawatan bagi memberi peluang kepada Dato Seri Anwar Ibrahim untuk menjawat jawatan tersebut bagi menyelamatkan saudaranya yang pada masa itu mempunyai banyak cabaran di Malaysia. Beliau merupakan orang penting dalam Majlis Syura ABIM. Ustaz Yahya Othman telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat mulai 1983 hingga 1999 dan Ahli Majlis Syura Ulamak PAS sejak 1987 dan pernah menjadi Setiausaha Majlis Syura Ulamak PAS (1993-1998). Selain menduduki kepemimpinan Dewan Ulamak PAS Pusat dan Perhubungan PAS Kelantan, beliau juga merupakan Yang Dipertua PAS Machang (1971-1991). PAS menobatkan beliau sebagai Murabbi PAS sepanjang zaman.

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang politik, beliau banyak menekankan dan berusaha membina pelopor dari peringkat pengajain tinggi lagi. Sehingga selepas beliau meninggalkan bidang politik, semangat ini tidak pernah luntur. Beliau kembali ke Labok dan bersama ahli qariah kampung dan adik beradik serta saudara mara mencari dana untuk membina Darul Quran. Bangunan 2 tingkat ini berjaya dibina setelah pembelian tanah berjaya dilakukan dengan hasil derma dan waqaf orang kampung dan sanak saudara. Tersergam berhadapan rumahnya di Kampung Labok, Darul Quran menjadi nadi baru untuk program perkadiran dan pembinaan jati diri anak muda,

Pada tahun 2010, Sultan Kelantan telang menganugerahkan Darjah Dato' Paduka Jiwa Mahkota Kelantan (D.J.M.K). Sebelum itu, beliau pernah mendapat pingat Ahli Mangku Negara

(A.M.N) daripada Sultan Kelantan sewaktu beliau menjadi Exco Pendidikan dan Dakwah pada tahun 1989.

Beliau dikenali sebagai seorang yang sangat suka membaca dan menulis. Beliau banyak menghasilkan silibus usrah dan turut menghasilkan kertas-kertas kerja dalam sektor tarbiyah Islamiyyah. Antara karyanya yang popular dan sentiasa dijadikan rujukan oleh sekalian ahli-ahli PAS yang beristiqamah dalam aktiviti-aktiviti parti ialah; Amal Jamai (Pengertian dan Tuntutannya) dan juga Himpunan Kertas Kerja Tarbiyah.

Hasil perkongsian hidup, beliau dikurniakan 4 orang puteri. Puteri sulung beliau, Salwa Yahya merupakan doctor gigi dan mengusahakan klinik pergigian. Anak kedua, Najwa Yahya merupakan guru Bahasa Arab dan Pendidikan Islam serta berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai guru. Anak ketiga, Surayya Yahya juga merupakan pendidik dan aktif mengajar al-quran. Puteri bongsu beliau, Nidana Yahya berkhidmat sebagai pensyarah Bahasa Inggeris di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Setelah beberapa tahun bersara dari dunia politik, pada usia 73 tahun, beliau telah dijemput ilahi untuk pulang ke negeri abadi pada hari Khamis, selepas asar di rumahnya pada 14 Jun 2012. Beliau dikebumikan pada Hari Jumaat 15 Jun 2012 setelah menerima kunjungan ziarah dan solat jenazah dari segenap sahabat dan anak murid di Malaysia. Tuan Guru Dato Nik Abdul Aziz turut sama mengimamkan solat jenazah beliau sebagai tanda perpisahan terakhir seorang sahabat di dunia Allah yang fana.

## **Penutup**

Dato Yahya Othman merupakan tokoh Ulama Nusantara yang banyak meninggalkan jasa dan sumbangannya terhadap kepentingan ilmu dan dakwah dalam kehidupan. Latar belakang kehidupannya sebagai seorang ulama wara' yang sentiasa menjaga hubungannya dengan Allah, sangat mementingkan dan cintakan ilmu dan memiliki ilmu pengetahuan yang sangat luas serta tidak pernah jemu dan penat dalam memperjuangkan syiar Islam serta penyebaran ilmu agama dan dakwah kepada seluruh masyarakat. Jelas daripada perbincangan diatas, juga didapati Dato Yahya Othman banyak memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat di Negeri Kelantan khususnya menerusi penglibatannya dalam bidang syariah, pendidikan dan dakwah, politik, sosial dan ekonomi. Bidang Syariah dan Dakwah adalah sangat berkait rapat dengan diri beliau. Beliau merupakan tokoh ulama yang berkarisma, berjiwa pendidik, pendakwah, ikhlas dalam menyampaikan ilmu dan dakwahnya terhadap masyarakat dan sangat tegas dalam menegakkan hukum Allah. Disanjung dan disayangi oleh masyarakat di Nusantara serta di Timur Tengah, mempunyai daya aura yang positif dan mudah didekati. Beliau juga mampu membina pengaruhnya yang tersendiri melalui penubuhan Darul Quran di Kampung Labok, dan juga Maahad Tahfiz Pulau Chondong di negeri Kelantan yang menjadi institusi pendidikan dan pembangunan agama Islam yang tersohor.

Selayaknya Dato Yahya Othman adalah tokoh kepimpinan dakwah yang disegani dan patut dicontohi kerana dalam membangunkan pendidikan dan dakwah Islam serta jasa dan sumbangannya amat memberikan kesan yang mendalam dalam kalangan masyarakat yang masih dirasakan hingga ke hari ini.

## Rujukan

- Abdrahman Badawi (2003). *Ensiklopedia Tokoh Orientalis*, Jakarta: LKIS.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-konsep Asas Al-Qur'an*
- Andreas Tolk (2012). What Is The Characteristics of a Scholar. USA: SCS & M&S Magazine diakses pada 9 September 2015 daripada [http://www.scs.org/magazines/2012/04/index\\_file/Files/Tolk.pdf](http://www.scs.org/magazines/2012/04/index_file/Files/Tolk.pdf)
- Bevoise, W.D. (1984). "Synthesis on The Principal as Instructional Leadership". *Educational Leadership*. Hlm 15-20.
- Blase, J.J. (1987). Dimension of Ineffective School Leadership: The Teachers' Perspective. *The Journal of Educational Administration*. 25(2): 193-213 CA.
- Crawford, J. and Irving, C. 2009. Information literacy in the workplace: a qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science* 41(1), pp. 29-38
- Dr. 'Abdul Zaidan. 2009. *Dasar-dasar Ilmu Da'wah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il binti Abdullah @ Tan Ai Pao, Zulaikha Farhana binti Zainal Abidin, *Konsep Kepimpinan Pendakwah kepada Mualaf: Satu Kajian Awal Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*
- Duke, D.L. (1987). *School Leadership and Instructional Improvement*. New York: Random House.
- Gary Yukl (1989). *The Importance, Assessment, And Development Of Flexible Leadership*, practitioner forum presented at the 23rd annual conference of the Society for Industrial-Organizational Psychology, April, 2008. San Francisco,
- Hackman, J. R. & Oldham, G. R. (1976). *Motivation Through The Design of work: Test of A Theory*. *Organizational Behavior and Human Performance* 16: Hal. 256-279. H [http://mmr.uinsgd.ac.id/site/detail/kajianilmiah/historiografi-ketokohan-dalam-penguatan-madzhah-fiqh-dan-tasawuf#\\_ftn3](http://mmr.uinsgd.ac.id/site/detail/kajianilmiah/historiografi-ketokohan-dalam-penguatan-madzhah-fiqh-dan-tasawuf#_ftn3)
- Hussein Mahmood (1993). *Kepemimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mamat, 2001. *Pengetua Sekolah Menangani Isu-Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Ikmal Hisham (2010). *Kajian Orang*. Fakulti Pendidikan dan Bahasa. Diakses dari [kajianorangjaissohok.blogspot.my/](http://kajianorangjaissohok.blogspot.my/) pada 5 September 2015. JAIS (2010). *Tokoh Guru*, diakses pada 3 Julai 2013 daripada <http://pendidikan.jais.gov.my/> <http://kuis.edu.my>
- Kamus Dewan (2010). *Dewan Bahasa dan Pustaka*: Kuala Lumpur.
- Mohd Nor (2008). *Kepimpinan Pengajaran Guru Besar dan Kepuasan Kerja Guru: Satu Kajian*.
- Noor Amirah (1994). *Kajian Tentang Pengorganisasian Dan Kepimpinan di Lembaga Tabung Haji*, Jalan Tun Razak, diakses pada 9 September 2015 daripada <https://prezi.com/xtuvvm676cpw/kajian-tentang-pengorganisasian-dan-kepimpinan-di-lembaga-ta/>
- Rosfazila Abd Rahman, Abdul Razif Zaini (2015) *Dato Mahamud Bin Abdul, Tokoh Sociolinguistik Melayu Nusantara: satu kajian Konseptual, Profil dan sumbangan*. *Prosiding, PANTUMN, Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2015*. KUIS.
- Rosfazila Binti Abd Rahman (2012). *Profesor Dato' Hj Mohd Adanan Isman Tokoh Pendidik*, diakses pada 31 Ogos 2015 daripada <http://fizarose.blogspot.com/>

- Roslan bin Mohamed, "Faktor Kegemilangan Dakwah Islamiah: Suatu Tinjauan," Jurnal Yadim, Bilangan Kedua (November 2001)
- Timah Hamzah (1981). Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu; Satu Kajian Ketokohan Dan Kepimpinan, diakses daripada [www. Amazon.co.uk/](http://www.amazon.co.uk/) pada 9 September 2015. Zaini Abdullah (2011). Falsafah dan Perkembangan Pendidikan di Malaysia, Tanjung Malim: UPSI Publications.